

19 SEP 2002

MAHATHIR-ASEM/I

MAHATHIR BERLEPAS JUMAAT INI UNTUK HADIRI SIDANG KEMUNCIAK ASEM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke Eropah malam esok bagi menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Keempat, satu sidang kemuncak para pemimpin Asia dan Eropah, yang akan bermula di Copenhagen, Isnin ini.

Sebelum sidang kemuncak berkenaan, mesyuarat peringkat pegawai-pegawai kanan dan menteri-menteri akan berlangsung yang dijangka membincangkan pelbagai isu, termasuk mengenalpasti punca keganasan serta mencari penyelesaian untuk menangani masalah itu.

Menurut program yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar di sini hari ini, Dr Mahathir, yang akan tiba di ibu negara Denmark itu tengah hari Ahad, akan menghadiri Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Asia bagi persediaan mesyuarat mereka dengan rakan sejawat mereka dari Eropah pada hari berikutnya.

ASEM terdiri daripada 10 negara Asia iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Brunei serta 15 negara anggota Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah.

Ia ditubuhkan dengan sidang kemuncak pertama di Bangkok pada 1996, diikuti dengan sidang kemuncak dua tahun sekali di London pada 1998 dan Korea Selatan pada 2000.

Duta Denmark ke Malaysia, Lasse Reimann memberitahu Bernama baru-baru ini bahawa Denmark, yang memegang jawatan presiden Kesatuan Eropah (EU) mulai 1 Julai hingga 31 Dis tahun ini, mengharapka kedatangan Dr Mahathir untuk menghadiri sidang kemuncak berkenaan memandangkan beliau merupakan pemimpin yang bersungguh-sungguh mencari punca sebenar keganasan dari awal lagi selepas serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept tahun lepas.

Beliau berkata Denmark memberi tumpuan utama kepada Sidang Kemuncak ASEM itu memandangkan ia merupakan satu forum kerjasama Eropah dan Asia untuk mengeratkan lagi hubungan, berikutan kerjasama antara kedua-dua benua tidak sebegitu rapat sebagaimana yang diharapkan Denmark.

Sidang kemuncak rasmi yang akan bermula Isnin ini, dimulai dengan dialog politik tidak rasmi mengenai keadaan antarabangsa selepas serangan 11 Sept dan isu-isu keselamatan yang baru muncul selepas kejadian tersebut.

Dialog mengenai kebudayaan dan peradaban serta kerjasama ekonomi juga akan diadakan dengan penekanan terhadap ekonomi serantau dan keutamaan kewangan dalam konteks senario ekonomi global.

Queen Margrethe II dari Denmark akan menjadi hos jamuan makan malam untuk pemimpin-pemimpin ASEM pada Isnin malam.

Hari kedua dan terakhir akan menyaksikan para pemimpin bertemu semula untuk membincangkan isu-isu sosial, kebudayaan dan pendidikan dengan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia, pembangunan dan pertukaran pendidikan, mengeratkan persefahaman bersama, mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan jumlah yang boleh diambil bekerja.

Dr Mahathir juga dijangka menghadiri majlis makan tengah hari tidak rasmi dengan rakyat dan ahli perniagaan Malaysia di Denmark pada Selasa sebelum meninggalkan Copenhagen.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan menghadiri mesyuarat ASEM peringkat menteri manakala Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan diwakili oleh Ketua Setiausahaanya, Datuk Abdul Razak Ramli.

-- BERNAMA

MR SHY NHD

